



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI**  
**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**PANDUAN PERMOHONAN ORANG YANG BERKELAYAKAN  
LIF (OYB LIF) GRED 1  
2025**

Tarikh Kemaskini : 18 April 2025

## KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN .....	3
2.0	PUNCA KUASA.....	4
3.0	TAFSIRAN .....	4
4.0	SKOP .....	5
5.0	SYARAT PERMOHONAN .....	5
	5.1 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU SEBAGAI ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 1 .....	5
	5.2 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN BAGI ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 1.....	6
	5.3 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PERTUKARAN SYARIKAT BAGI ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 1 .....	7
	5.4 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU (ULANGAN TEMUDUGA) ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 1	7
	5.5 TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 1.....	8
6.0	PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN.....	9
	6.1 BUTIRAN PERMOHONAN .....	9
7.0	DOKUMEN.....	12
	7.1 DOKUMEN PERMOHONAN .....	12
8.0	PEMAKLUMAN .....	14
9.0	FI.....	14
10.0	PIAGAM PELANGGAN .....	15

## 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1. Panduan ini terbahagi kepada empat (4) iaitu:
  - a. Panduan Permohonan Pendaftaran Baru
  - b. Panduan Permohonan Pembaharuan
  - c. Panduan Permohonan Pertukaran Syarikat
  - d. Panduan Permohonan Pendaftaran (Ulangan Temuduga)
- 1.2. Panduan ini disediakan untuk rujukan pemohon semasa membuat permohonan pendaftaran baru / pembaharuan / pertukaran syarikat / ulangan temuduga Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 bagi memastikan pemohon mendapat panduan yang tepat dan jelas serta mengelakkan kekeliruan kepada pihak pemohon berkenaan hal-hal berkaitan pendaftaran baru / pembaharuan / pertukaran Orang Kompeten (Syarikat) / ulangan temuduga bagi Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1. Semua permohonan perlu dibuat melalui sistem mySKUD. Bagi menjana surat / slip kelulusan OYB Lif, pemohon / syarikat perlu mengemaskini maklumat OYB Lif yang telah diluluskan di dalam maklumat Orang Kompeten (Syarikat).
- 1.3. **Permohonan Pendaftaran Baru** - Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 perlu memilih menu Pendaftaran Baru dan perlu menjalani sesi peperiksaan dan juga sesi temuduga.
- 1.4. **Permohonan Pembaharuan** - Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 perlu memilih menu Pembaharuan dan memastikan bahawa bilangan penelitian loji adalah mencukupi iaitu sekurang - kurangnya **tiga puluh (30) penelitian menyeluruh setahun**.
- 1.5. **Permohonan Pertukaran Syarikat** - Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 perlu memilih menu Pertukaran Syarikat dan perlu menduduki sesi temuduga.
- 1.6. **Permohonan Pendaftaran (Ulangan Temuduga)** - Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 perlu memilih menu Ulangan Temuduga di mana permohonan ini hanya dibenarkan kepada permohonan pendaftaran baru sahaja yang telah lulus sesi peperiksaan tetapi gagal temuduga.
- 1.7. Panduan permohonan ini telah dikemaskini mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 (LYMPK 2024).

## **2.0 PUNCA KUASA**

- 2.1 Seksyen 31B Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) telah menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh memasang siap, memasang, mendirikan, membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis apa-apa loji atau kelengkapan kawalan kejuruteraan yang dinyatakan dalam Akta dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 kecuali telah berdaftar sebagai Orang Kompeten (Syarikat) seperti mana ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
- 2.2 Peraturan 4(1)(g), Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 telah menyatakan bahawa jika loji yang menghendaki perakuan kelayakan itu merupakan dandang stim atau jentera mengangkat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh, memastikan bahawa dandang stim atau jentera mengangkat itu dipasang oleh orang kompeten atau pengilang asalan.

## **3.0 TAFSIRAN**

- 3.1 Orang Kompeten ertinya orang kompeten yang berdaftar di bawah Seksyen 31C AAKP 1994.
- 3.2 Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif Gred 1 adalah Orang Kompeten (Individu) yang menjalankan aktiviti yang dinyatakan di dalam Perkara 2.1.
- 3.3 Lif ertinya suatu jentera mengangkat dengan pemacu tarikan, positif atau hidraulik, yang berfungsi pada aras tertentu dan mempunyai pembawa yang bergerak di sepanjang panduan yang tegar dan condong pada sudut lebih daripada 15 darjah ke arah mengufuk, atau di sepanjang laluan tetap walaupun ia tidak bergerak di sepanjang panduan tegar, bagi maksud mengangkut orang sahaja, atau orang dan barang tetapi ia tidak termasuk lif dengan kelajuan terkadar kurang daripada 0.15 meter per saat.
- 3.4 Laluan gerak ertinya suatu jentera mengangkat untuk mengangkut orang yang permukaan pembawa pengguna itu kekal selari dengan setiap arah gerakan dan tidak terganggu.
- 3.5 Standard yang diiktiraf ertinya standard yang diiktiraf seperti di dalam Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

#### 4.0 SKOP

Skop Panduan permohonan adalah berdasarkan Jadual di bawah:

SKOP PENDAFTARAN ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 1	
KOD	SKOP
1	Permohonan Pendaftaran Baru
2	Permohonan Pembaharuan
3	Permohonan Pertukaran Firma
4	Permohonan Pendaftaran Baru (Ulangan Temuduga)

Jadual 1

#### 5.0 SYARAT PERMOHONAN

##### 5.1 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU SEBAGAI ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 1

- a. Warganegara Malaysia; dan
- b. Disahkan sihat oleh doktor kesihatan pekerjaan (OHD) yang diiktiraf; dan
- c. Mempunyai pengalaman dan kelayakan seperti berikut:
  - i. **Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf**<sup>1</sup> dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **5 tahun** dalam bidang pemasangan, penelitian, pengujian dan penyelenggaraan untuk lif, eskalator atau laluan gerak; atau
  - ii. **Diploma Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau setaraf**<sup>1</sup> dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau **Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4** dalam bidang **Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Elektronik atau bidang yang berkaitan** yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia (JPK) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **10 tahun** dalam bidang pemasangan, penelitian, pengujian dan penyelenggaraan untuk lif, eskalator dan laluan gerak; dan bekerja tetap dengan syarikat yang berdaftar dengan jabatan; dan
- d. Bekerja tetap dengan syarikat yang berdaftar dengan jabatan; dan
- e. Lulus sesi peperiksaan dan juga lulus sesi temuduga yang dijalankan oleh Ketua Pemeriksa atau wakilnya; dan

- f. Berdaftar dengan **The Board of Engineer (BEM)** sebagai jurutera siswazah atau berdaftar sebagai **Inspector Of Work (IOW)** bagi pemegang Diploma Kejuruteraan; dan
- g. Telah menghadiri latihan teknikal di syarikat prinsipal (pengilang asalan) di mana pembuatan produk tersebut dijalankan mengikut silibus pada **Lampiran 1a** dan menyediakan laporan ringkas bergambar; dan
- h. Tidak disabitkan:
  - i. dengan kesalahan dibawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) atau sebarang peraturan yang dibuat dibawahnya; atau
  - ii. dengan kesalahan dan dihukum penjara melebihi satu tahun atau denda melebihi dua ribu ringgit.

(Nota <sup>1</sup> Kelulusan akademik yang dilampirkan hendaklah dan tidak terhad kepada pengetahuan dan kemahiran teknikal seseorang di dalam bidang fizik, pengiraan matematik kejuruteraan, rekabentuk lukisan kejuruteraan teknikal dan kekuatan bahan kejuruteraan)

## 5.2 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN BAGI ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 1

- a. Telah berdaftar dan diluluskan sebagai Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1; dan
- b. Disahkan sihat oleh doktor kesihatan pekerjaan (OHD) yang diiktiraf; dan
- c. Berkhidmat sebagai Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 di syarikat yang telah diiktiraf oleh pihak Jabatan dengan melampirkan dokumen pembaharuan iaitu **Lampiran 2a**, **Lampiran 3** dan juga senarai loji yang telah dibuat penelitian semasa kelulusan di syarikat terdahulu. (rujuk pada Lampiran yang disediakan); dan
- d. Telah menjalankan sekurang - kurangnya **tiga puluh (30)** Penelitian Menyeluruh setahun bagi melayakkan pembaharuan sebagai Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1.
- e. Menghadiri Program Pendidikan Berterusan dan Kursus Teknikal Khas seperti jadual di **Lampiran 5a**.
- f. Tidak disabitkan :
  - i. dengan kesalahan dibawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Akta 514 atau sebarang peraturan yang dibuat dibawahnya; atau
  - ii. dengan kesalahan dan dihukum penjara melebihi satu tahun atau denda melebihi dua ribu ringgit.

### **5.3 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PERTUKARAN SYARIKAT BAGI ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 1**

- a. Permohonan perlu dibuat **selepas 1 bulan** dari tarikh mula berkhidmat bersama Orang Kompeten (Syarikat) baru dengan melampirkan dokumen-dokumen yang berikut;
  - i. Melampirkan surat pengesahan kerja / surat tawaran kerja dari Orang Kompeten (Syarikat) baru; dan
  - ii. Melampirkan surat / notis pemakluman pemberhentian perkhidmatan kepada Orang Kompeten (Syarikat) terdahulu; dan
  - iii. Melampirkan dokumen pembaharuan iaitu dokumen **Lampiran 2b**, **Lampiran 3** dan juga senarai loji yang telah diteliti semasa kelulusan bersama Orang Kompeten (Syarikat) terdahulu. (rujuk pada Lampiran yang disediakan); dan
- b. Disahkan sihat oleh doktor kesihatan pekerjaan (OHD) yang diiktiraf; dan
- c. Telah menghadiri latihan teknikal di syarikat prinsipal (pengilang asalan) di mana pembuatan produk tersebut dijalankan mengikut silibus pada **Lampiran 1a** dan menyediakan laporan ringkas bergambar; dan
- d. Tidak disabitkan:
  - i. dengan kesalahan dibawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Akta 514 atau sebarang peraturan yang dibuat dibawahnya; atau
  - ii. dengan kesalahan dan dihukum penjara melebihi satu tahun atau denda melebihi dua ribu ringgit.

### **5.4 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PENDAFTARAN BARU (ULANGAN TEMUDUGA) ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 1**

- a. Permohonan boleh dibuat selepas **3 bulan** dari tarikh keputusan **gagal temuduga** dikeluarkan; dan
- b. Disahkan sihat oleh doktor kesihatan pekerjaan (OHD) yang diiktiraf; dan
- c. **Permohonan Ulangan Temuduga hanya SAH untuk tempoh 1 (SATU) tahun sahaja dari tarikh keputusan peperiksaan bertulis dikeluarkan. Pemohon perlu menduduki semula sesi peperiksaan jika melebihi tempoh yang ditetapkan.**
- d. Memenuhi syarat-syarat kelayakan pendaftaran baru seperti perkara 5.1 (a-h).

## **5.5 TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS ORANG YANG BERKELAYAKAN LIF (OYB LIF) GRED 1**

- a. Sebagai wakil pemilik lif, eskalator dan laluan gerak untuk menyediakan, menandatangani dan menyerahkan permohonan verifikasi rekabentuk dan kebenaran memasang lif, eskalator dan laluan gerak kepada JKKP.
- b. Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 perlulah menjalankan kewajipan seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan (4), Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;
- c. Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 perlu menjalankan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) laporan penelitian menyeluruh setiap tahun. Laporan penelitian menyeluruh tersebut perlu mengandungi maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat Belas Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;
- d. Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 perlulah menjalankan kewajipan seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan (6)(2)(h), Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;
- e. Menghadiri bersama Pegawai atau Orang Berlesen semasa Pemeriksaan Berkala atau lain - lain pemeriksaan seperti yang tersebut di dalam Peraturan Peraturan (6), Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;
- f. Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 hendaklah memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja Orang Kompeten (Syarikat) yang diluluskan serta orang lain semasa penelitian, ujian dan penyelenggaraan lif, eskalator dan laluan gerak yang di bawah seliaannya;
- g. OYB Lif di atas bertanggungjawab memastikan pemasangan lif / eskalator / laluan gerak mengikut verifikasi reka bentuk jentera mengangkat yang telah disemak oleh Jabatan;
- h. Memberitahu Ketua Pengarah tentang sebarang kemalangan atau kejadian yang melibatkan lif, eskalator dan laluan gerak di bawah seliaannya;
- i. Menyediakan laporan teknikal kemalangan dan tindakan penambahbaikan;
- j. Mengawal selia Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 2 dan Gred 3 di syarikat dia bekerja; dan
- k. Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 hendaklah memaklumkan kepada JKKP atau OYB Lif Gred 1 yang lain di syarikat dia bekerja tentang sebarang kemalangan atau insiden yang melibatkan lif, eskalator dan laluan gerak di bawah seliaannya.

## **6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN**

### **6.1 BUTIRAN PERMOHONAN**

#### **Bahagian A: Maklumat Permohonan**

<b>MAKLUMAT</b>	<b>PENERANGAN</b>
Gambar Pemohon	Gambar pemohon yang terkini, berukuran passport, berlatar belakang berwarna biru, tidak diimbas semula
Nama Pemohon	Nama penuh seperti di dalam kad pengenalan
No Kad Pengenalan	Seperti di dalam kad pengenalan
Alamat Surat Menyurat	Alamat surat menyurat pemohon yang terkini
Nombor Telefon	Nombor telefon peribadi calon dan masih aktif
Emel	Emel terkini calon dan masih aktif
Jantina	Seperti di dalam kad pengenalan
Bangsa	Nyatakan bangsa pemohon

**Jadual 2**

#### **Bahagian B : Maklumat Orang Kompeten (Syarikat)**

<b>MAKLUMAT</b>	<b>PENERANGAN</b>
Nama Syarikat/Kilang	Nama penuh syarikat/majikan seperti di SSM
No.Pendaftaran Kilang/Tempat Kerja	Nombor pendaftaran kilang/tempat kerja yang berdaftar dengan JKPP
Alamat Premis	Alamat penuh yang didaftarkan dengan JKPP
No. Telefon	Nombor telefon syarikat yang terkini dan aktif
Emel Syarikat	Emel syarikat terkini dan aktif
Jawatan	Jawatan pemohon di syarikat
Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi	Nama pegawai penyelia kepada pemohon di syarikat

**Jadual 3**

\*Bagi permohonan pembaharuan, pertukaran syarikat dan ulangan temuduga, maklumat tempat kerja akan dipaparkan secara automatik berdasarkan kepada permohonan lepas, namun pemohon boleh mengemaskini maklumat Nama & No. Telefon Pegawai Yang Boleh Dihubungi.

**Bahagian C : Maklumat Pendidikan**

MAKLUMAT	PENERANGAN
<b>Nama Institusi</b>	Nama Institusi Pendidikan
<b>Taraf Pendidikan</b>	Taraf pendidikan tertinggi sehingga peringkat Ijazah sahaja (Taraf yang tertinggi sahaja)
<b>Bidang Pendidikan</b>	Bidang pendidikan yang diambil (Bidang Kejuruteraan sahaja)
<b>Tempoh Pendidikan</b>	Tempoh belajar sehingga tamat
<b>Kursus/Latihan Teknikal Yang dihadiri</b>	Kursus / latihan teknikal berkaitan dengan bidang tugas yang dihadiri pemohon

**Jadual 4**

*\*Bagi permohonan pembaharuan, pertukaran syarikat dan ulangan temuduga, maklumat pendidikan akan dipaparkan secara automatik berdasarkan kepada permohonan lepas, namun pemohon boleh mengemaskini maklumat pendidikan dengan menambah maklumat pada ruangan ini.*

**Bahagian D : Pengalaman Bekerja**

MAKLUMAT	PENERANGAN
Nama Syarikat	Nama syarikat perlu dibuat carian di sistem
Bidang Bekerja	Skop kerja/tanggungjawab/peranan
Jawatan	Jawatan yang disandang
Tempoh Perkhidmatan	Tempoh bekerja di syarikat terkini atau terdahulu

**Jadual 5**

*\*Maklumat pengalaman kerja akan dipaparkan secara automatik berdasarkan kepada permohonan lepas, namun pemohon WAJIB mengemaskini maklumat pengalaman kerja TERKINI dengan menambah maklumat pada ruangan ini.*

**Bahagian E : Maklumat Latihan Teknikal di Kilang syarikat prinsipal (pengilang asalan)**

MAKLUMAT	PENERANGAN
Nama dan Alamat Syarikat Prinsipal	Nama dan alamat syarikat prinsipal (pengilang asalan) yang telah dihadiri
Tarikh Latihan Teknikal	Tarikh keseluruhan latihan teknikal yang telah dihadiri bersama syarikat prinsipal (pengilang asalan)
Tarikh Penilaian (jika ada)	Tarikh penilaian (jika ada) latihan teknikal yang telah dihadiri bersama syarikat prinsipal (pengilang asalan)

**Jadual 6**

\*Bagi ruangan ini, pemohon perlu melampirkan sijil latihan teknikal yang dihadiri bersama syarikat principal

**BAHAGIAN F : MAKLUMAT JENTERA**

MAKLUMAT	PENERANGAN
No. Pendaftaran Jentera (No. PMA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Maklumat jentera ini melibatkan jentera (Lif, Eskalator &amp; Laluan Gerak) yang pernah di pasang/diperiksa/diselenggara/diuji oleh pemohon (wajib dilengkapkan bagi permohonan pembaharuan dan pertukaran firma)</li> <li>- Pastikan bilangan jentera yang dikemaskini adalah <b>sama</b> dengan bilangan jentera yang disahkan di <b>Lampiran 3</b></li> </ul>

**Jadual 7**

\*Terdapat butang ‘Export’ (bagi permohonan pembaharuan) pada maklumat jentera, pemohon boleh muat turun maklumat jentera yang telah dilengkapkan dan dijadikan dokumen sokongan senarai jentera untuk disahkan oleh Pengarah JKKP Negeri.

## 7.0 DOKUMEN

### 7.1 DOKUMEN PERMOHONAN

Dokumen sokongan berikut hendaklah dimuat naik untuk permohonan ini dan perlu disimpan di dalam format PDF. **Salinan dokumen dan sijil (bertanda \*) perlu mendapat pengesahan daripada Pesuruhjaya Sumpah atau Kakitangan Kerajaan Gred A. Gunakan Lampiran yang disediakan pada panduan ini.**

BUTIRAN	PENERANGAN
Perakuan Pengalaman Dari OYB Lif Gred 1 – Lampiran 1	<p>Pengalaman pemohon perlu diperakui oleh Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 seperti pada lampiran 1, panduan permohonan pendaftaran sebagai OYB Lif, ditandatangan dan dicop oleh OYB Lif Gred 1 tersebut.</p> <p><b>Perlu menggunakan borang seperti pada Lampiran 1.</b></p>
Perakuan Perubatan (terkini) – Lampiran 4	<p>Laporan pemeriksaan kesihatan daripada doktor kesihatan pekerjaan yang diiktiraf. Tempoh laporan tersebut adalah mengikut tarikh yang dinyatakan pada perakuan tersebut.</p> <p><b>Perlu menggunakan borang pada lampiran 4.</b></p>
Sijil Kelayakan Akademik (Kejuruteraan) *	Sijil akademik tertinggi yang dimiliki sehingga peringkat Ijazah pertama sahaja.
Surat Pengesahan Lantikan Kerja Terkini (Appointment Letter)	<p>Surat pengesahan lantikan kerja dengan firma yang terkini.</p> <p><b>(Pastikan tarikh pengesahan adalah yang terkini)</b></p>
Salinan Kad Pengenalan Berwarna *	Salinan depan dan belakang kad pengenalan berwarna yang diimbas mestilah jelas, terang dan berwarna.
Transkrip Akademik (Diploma / Ijazah) *	Salinan transkrip penuh diploma / ijazah daripada institusi pendidikan diimbas dengan terang dan jelas.

Sijil Latihan Teknikal di kilang syarikat prinsipal (pengilang asalan)*	<p>Lampirkan sijil latihan teknikal yang dijalankan di kilang principal</p> <p><b>Pastikan latihan yang dihadiri adalah berdasarkan kepada silibus yang telah ditetapkan pada dokumen Lampiran 1a.</b></p>
Dokumen Lampiran Pembaharuan OYB Lif Gred 1 (Lampiran 2a)	Dokumen pembaharuan iaitu <b>Lampiran 2a</b> yang terdapat pada garis panduan ini perlu dilengkapkan termasuk ruangan tandatangan Pengarah JKPP Negeri.
Dokumen Lampiran Pertukaran Syarikat OYB Lif Gred 1 (Lampiran 2b)	Dokumen pertukaran syarikat iaitu <b>Lampiran 2b</b> yang terdapat pada panduan ini perlu dilengkapkan termasuk ruangan tandatangan Pengarah Syarikat / Pengarah Urusan.
Perakuan daripada Pengarah Syarikat / Pengarah Urusan/OYB Lif Gred 1 (Lampiran 3)	Dokumen perakuan iaitu <b>Lampiran 3</b> yang terdapat pada panduan ini perlu dilengkapkan termasuk ruangan tandatangan Pengarah Syarikat / Pengarah urusan.
Program dan Kursus Yang Berkaitan *	<p>Sijil kursus teknikal yang <b>TERKINI</b> berkaitan lif dan eskalator, sijil kursus <i>Working at Height</i> (WAH) dan HIRARC bagi permohonan baru.</p> <p>Pembaharuan - Perlu Menghadiri Program Pendidikan Berterusan dan Kursus Teknikal Khas seperti jadual di <b>Lampiran 5a</b>  <b>(Pastikan sijil tersebut tidak melebihi tempoh 3 tahun semasa permohonan dibuat)</b></p>
Surat Pengesahan Perletakan Jawatan daripada majikan terdahulu	Melampirkan surat / notis pemakluman pemberhentian perkhidmatan kepada syarikat terdahulu.
Sijil dan Laporan Latihan Di kilang prinsipal (pengilang asalan) yang terkini *	Melampirkan sijil latihan teknikal di kilang Prinsipal(pengilang asalan) dan laporan ringkas Berkaitan.

Sijil Pendaftaran BEM Sebagai Jurutera Atau IOW *	Sijil pendaftaran sebagai jurutera atau berdaftar sebagai Inspector Of Work (IOW) bagi pemegang Diploma Kejuruteraan
Salinan Pasport / Visa (bukti perjalanan ke kilang prinsipal (pengilang asalan)*	Lampirkan salinan muka depan passport pemohon dan juga salinan visa (cop pemeriksaan imigresen)
Dokumen Pemeriksaan PEMULA / PEKALA / Penelitian Menyeluruh yang telah dijalankan dalam tempoh kelulusan semasa	Dokumen ini boleh dimuat turun daripada maklumat jentera yang telah dikemaskini (Bahagian F: Maklumat Jentera) dan dilampirkan di ruangan ini.

### **Jadual 8**

## **8.0 PEMAKLUMAN**

- 8.1 Pihak Jabatan boleh menolak permohonan, menggantung dan membatalkan pengiktirafan ke atas calon jika didapati :
- a) Tidak memenuhi mana-mana syarat-syarat kelayakan Pendaftaran Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1; atau
  - b) Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
  - c) Telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKPP seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan atau syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKPP dari semasa ke semasa; atau
  - d) Telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.
- 8.2 Bagi kesalahan Perkara 8.1(d), nama calon akan disenarai hitamkan dan tidak dibenarkan untuk memohon pendaftaran sebagai Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif).

## **9.0 FI**

Pembayaran fi pemprosesan dan pendaftaran bagi permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini maklumat Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif Gred 1 adalah mengikut Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024

## **10.0 PIAGAM PELANGGAN**

Piagam pelanggan bagi permohonan Pendaftaran / Pertukaran Syarikat / Pembaharuan / Ulangan Temuduga Orang Yang Berkelayakan Lif (OYB Lif) Gred 1 adalah 30 hari.

**Disediakan oleh:**

**Unit Pengiktirafan**

**Seksyen Pengiktirafan, Peperiksaan & Persijilan**

**Bahagian Keselamatan Industri**

**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia**

**18 April 2025**

Appendix 1

**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)**

APPLICATION TO BE REGISTERED AS A LIFT COMPETENT PERSON I/II/III



**A. PARTICULARS OF THE CANDIDATE  
(To be filled by the Applicant)**

**1. PERSONAL PARTICULARS**

1.1 Name of Candidate (in block letters)

.....

1.2 Date of Birth

.....

1.3 Sex

Male/Female

1.4 Identity Card Number\*

.....

1.5 Place of Birth

.....

1.6 Citizenship

.....

1.7 Approved Lift Firm Name & Registration No

.....

1.8 Job Designations:

.....

1.9 Office Address

.....

1.10 Tel. No. (Office)

.....

.....

1.11 Tel. No. (Home)

.....

1.12 E-mail address

.....

**2. QUALIFICATION**

2.1 Professional education\*  
Name of Institution/  
University

Year  
From to

Qualification  
Obtained

.....

.....

.....

2.2 Technical training

.....

.....

.....

Date: .....

.....  
Signature of Applicant

Note: (\*) Please enclose certified copies of relevant document and latest medical examination report.

**B. EXPERIENCE OF THE CANDIDATE** (To be filled by the existing CP Lift Grade I – if any)

<b>1. TRAINING</b>	<b>YES/NO</b>	<b>DURATION</b>
(a) Design	<input type="checkbox"/>	.....
(b) Manufacturing	<input type="checkbox"/>	.....
(c) Code of Practice	<input type="checkbox"/>	.....
(d) Testing/Commissioning	<input type="checkbox"/>	.....
(e) Installation	<input type="checkbox"/>	.....
(f) Maintenance	<input type="checkbox"/>	.....
(g) Others (please specify) .....	<input type="checkbox"/>	
<b>2. FIELD EXPERIENCE</b>	<b>YES/NO</b>	<b>NO. OF MONTHS (ACCUMULATE)</b>
(a) Design	<input type="checkbox"/>	.....
(b) Manufacturing	<input type="checkbox"/>	.....
(c) Preparation of 1 <sup>st</sup> Schedule	<input type="checkbox"/>	.....
(d) Installation	<input type="checkbox"/>	.....
(e) Testing/Commissioning/1 <sup>st</sup> Inspection	<input type="checkbox"/>	.....
(f) Maintenance/Monthly Inspection	<input type="checkbox"/>	.....
(g) Annual/Regular Inspection	<input type="checkbox"/>	.....
(h) 2 <sup>nd</sup> Schedule Inspection	<input type="checkbox"/>	.....
(i) Total number of years experiences in lift industry .....		

**C. DECLARATION BY THE CP Lift Grade I**

I hereby:-

- i. certify that the above particulars are true and correct to the best of my knowledge; and
- ii. declare that all of the conditions as set out in paragraph 2 have been fulfilled.

Date: .....

Signature  
 ( Name of CP Lift Grade I )  
 CP Lift Grade I No : .....

## Appendix 1a

### **SYLLABUS REQUIREMENTS FOR TRAINING CONDUCTED AT THE PRINCIPAL COMPANY (Application for Qualified Person Lift Grade 1) 8 hours**

<b>Module</b>	<b>Contents</b>	<b>Contact Hour</b>
Introduction	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Introduction to elevator products produced by Principal</li> <li>• Introduction to elevator products installation and maintenance standard.</li> <li>• Introduction to elevator products adjustment standard</li> </ul>	8 hours
Design & Calculation	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Component Design</li> <li>• Safety Feature Design</li> <li>• Roping Calculation</li> <li>• Sheave Shaft Load Calculation</li> <li>• Traction Calculation</li> <li>• Ventilation Calculation</li> <li>• Machine Beam Reaction Calculation</li> <li>• Lift Loading Capacity Calculation</li> <li>• Calculation For Lift Machine &amp; Support</li> <li>• Calculation for Lift Well Part</li> <li>• Safety Factor of Car &amp; Counterweight</li> <li>• Clearance and Overtravel Lift Car &amp; Counterweight</li> </ul>	8 hours
Code compliance	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Design, Calculation, Installation &amp; Testing</li> <li>• EN81-1, EN81-2, EN81-3, EN115, EN81-21, EN81-50</li> <li>• Lift loading capacity, Lift Machine &amp; Support, Machine Room</li> <li>• Lift well, Landing Door, Landing door locking devices, Lift Car Construction, Car doors &amp; Gates, Emergency Hatches, Ventilation, Lighting</li> <li>• Counterweight, Guide, Safety GearGovernors, Buffer,</li> <li>• Clearance and Over Travelfor Liftv Car &amp; Counterweight, Terminal Stopping Devices, Suspension Ropes, Operation &amp; Control, Clearance Between Car &amp; Counterweight</li> </ul>	8 hours
On Site Visit & Testing	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Factory section visit</li> <li>• Lift Test Tower</li> <li>• Lift Component Testing</li> <li>• Safety Feature Testing</li> </ul>	8 hours

Appendix 2a

**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, MALAYSIA**

**Application for Renewal as Lift Competent Person Grade I**

**A. PARTICULARS OF APPLICANT**

File No. : .....

Registration No. : .....

Expiry Date : .....

1. I..... N.R.I.C ..... a competent person employed by ..... would like to apply for **renewal** of registration as a **Competent Person Grade I** for the next renewal.
2. Enclosed herewith please find document\* to support my application for the purpose.

Date: .....  
(Signature of Applicant)

**B. JKKP STATE OFFICE COMMENT**

Mr. ..... N.R.I.C ..... who is registered as a **Competent Person Grade I**, has successfully fulfil duties as prescribed under Clause 3 of these guidelines.

I have no objection for the Department to renew his registration as a competent person (design and/or construction, installation tests and/or maintenance) for the next renewal.

Date: .....  
Director,  
Department of Occupational Safety  
And Health .....

Document includes latest inspection report, medical examination report and any other document deems appropriate.

\* Proof of minimum number of inspections per year

Appendix 2b

**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, MALAYSIA**

**Application form of Transfer Competent Firm for Lift Competent Person Grade I**

**A. PARTICULARS OF APPLICANT**

File No. : .....

Registration No. : .....

Expiry Date : .....

1. I..... N.R.I.C ..... a competent person employed by ..... would like to apply for **transfer competent firm for Competent Person Grade I.**
2. Enclosed herewith please find document\* to support my application for the purpose.

Date: .....  
(Signature of Applicant)

**B. MANAGING DIRECTOR OF COMPANY COMMENT**

Mr. ..... N.R.I.C ..... who is registered as a **Competent Person Grade I**, has successfully fulfil duties as prescribed under Clause 3 of these guidelines.

I have no objection for the Department to renew his registration as a competent person (design and/or construction, installation tests and/or maintenance) for the next renewal.

Date: .....  
Managing Director/CEO/General Manager

Document includes latest inspection report, medical examination report and any other document deems appropriate.

\* Proof of minimum number of inspections per year

## JABATAN KESELAMATAN DAN KESIRATAN PEKERJAAN, MALAYSIA

**Declaration By a Grade I/II/III Competent Person**

Name: ..... N.R.I.C. No . .....

Name and Address of Approved Firm:

.....  
 .....  
 .....  
 .....

I hereby declare the followings is under my supervision:-

1. \*\*Number of new lift/escalator/dumbwaiter installed: .....
2. Number of lift/escalator/dumbwaiter maintained: .....
3. \*\*Name or brand of lift/escalator/dumbwaiter maintained other than the brand of lift/escalator/dumbwaiter approved:

PMA	Location	Lift Brand	Lift/Escalator/Dumbwaiter

Date: .....  
 .....  
 (Signature of a competent person Grade .....)

In the presence of the Approved Lift Firm's C.E.O/M.D./G.M:

Date: .....  
 .....  
 (Signature of C.E.O/M.D./G.M.)

.....  
 Company's Official Stamp

## Notes :

1. Item 1 : To be completed by OYK Lift Grade I only
2. Item 2 : Please indicated the number of inspections supervised by the applicant only

## Appendix 4

## PERMOHONAN SEBAGAI ORANG BERKOMPETEN LIF

A. JENIS PERMOHONAN : BARU / LANJUTAN / PERTUKARAN FIRMA GRED: 

## B. BUTIR-BUTIR PEMOHON

1. No. K.P./Passport/  
Polis/Tentera 2. Nama   
3. Alamat   
4. Poskod  5. Bandar 6. Negeri 7. Jantina (L/P)  8. Tarikh lahir 

C. KELAYAKAN AKADEMIK/LATIHAN	BIL	INSTITUT	BIDANG	TARAF	TAHUN

## Ruang untuk permohonan Pembaharuan Kompetensi / Pertukaran Firma

Tarikh Luput Kompetensi  

## D. PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar.

Tarikh : ..... Tandatangan Pemohon

Nama : .....

No. K.P. .....

E. MAKLUMAT PEGAWAI PERUBATAN YANG BIASA MERAWAT:  
(Lengkapkan nama dan alamat Pegawai Perubatan yang biasa merawat anda)

Nama Pegawai Perubatan : .....

Alamat : .....

- SALINAN ASAL HENDAKLAH DIKEMUKAKAN KEPADA KETUA PENGARAH JKKP
- SALINAN PENDUA HENDAKLAH DISIMPAN OLEH PEGAWAI PERUBATAN YANG MEMBUAT PEMERIKSAAN

- 2 -

**F. PEMERIKSAAN PERUBATAN  
(UNTUK DIPENUHI OLEH PENGAMAL PERUBATAN)**

**BAHAGIAN I**

No. Pendaftaran Pemohon di klinik : ..... Tarikh Pendaftaran : .....

Keadaan Umum : .....

Berat : .....kg. Ketinggian : .....sm

Pemeriksaan air kencing untuk albumin dan gula (Jika positif siasat selanjutnya)

Tekanan darak: Sistolik : ..... Diastolik : .....

Kejadian penglihatan mengikut Carta Snellen (Dalam meter)

Tanpa kacamata min. 6/60 Kanan : ..... Kiri : .....

Dengan Kacamata min. 6/12 Kanan : ..... Kiri : .....

\*Untuk mereka yang memakai kacamata, sila nyatakan

**. JAWAPAN**

Sila tandakan X dalam ruang yang bersesuaian 'Ya' atau 'Tidak'

Bil	Perihal	Ya	Tidak	Catatan
1	Ada kecacatan dalam penglihatan (Carta istihara)			
2	Ada kecacatan dalam penglihatan lapangan (field vision)			
3	Ada bukti kecacatan sistem saraf			
4	Ada bukti-buktii penyakit psikiatrik (psychiatric)			
5	Adakah pemohon menunjukkan tanda-tanda peminuman arak dan Penyalahgunaan dadah			
6	Ada ketidaksempurnaan dari/atau kecacatan fizikal			
7	Ada bukti kelainan sistem kardiovaskular			
8	Adakah pemohon mempunyai tekanan darah tinggi yang tidak terkawal			
9	Adakah pemohon mengidap penyakit kencing manis yang tidak dikawal dengan sempurna			
10	Ada kecacatan pendengaran			
11	Ada bukti kelainan sistem respirator			
12	Siasatan lanjut yang dijalankan dan keputusannya: a): ..... b): ..... c): .....			
13	Pandangan-pandangan lain oleh pengamal perubatan: ..... ..... ....			

Catatan: Kelewatan boleh berlaku kerana diperlukan siasatan lanjut.

**BAHAGIAN II**

Sila jawab soalan-soalan berikut berhubung dengan sejarah kesihatan anda. Tanda X dalam kotak ruangan yang sesuai 'Ya' atau 'Tidak'. Jika 'Ya' jelaskan dalam ruang catitan.

Adakah anda mempunyai sejarah atau sedang mengalami penyakit berikut

Bil	Perihal	Ya	Tidak	Catatan
*1	Masalah mata			
	- Katarak			
	- Pandangan 'monocular'			
	- Lain-lain yang menyebabkan halangan pandangan			
*2	Tidak dapat mengenapsti warna-warna asas (primer) [merah, hijau, kuning (amper)]			
3	Sukar melihat dalam gelap			
*4	Apa-apa jenis sawan atau kekejangan			
5	Kcederaan berat dikepala			
*6	Serangan pening atau pening			
7	Sakit kepala yang berat atau 'migrane'			
8	Pembedahan otak yang 'major'			
*9	Stroke' (dengan kecacatan 'residual')			
*10	Kencing manis dalam rawatan insulin			
*11	Penyakit mental			
*12	Penyalahgunaan arak dalam masa 5 tahun yang lalu			
*13	Penyalahgunaan dadah dalam masa 5 tahun yang lalu			
14	Kecacatan tulang belakang			
*15	Ketidaksempurnaan atau kecacatan anggota - pergerakan sendi yang terhad - kecacatan anggota yang berat - amputation' yang berat			
16	Penyakit jantung / tekanan darah tiggi / debaran jantung			
17	Sesak nafas / muntah darah / batu kronik			
*18	Pekak - pekak tuli			
*19	Penyakit buah pinggang yang kronik			
20	Apa-apa rawatan yang berulang			
21	Apa-apa penyakit atau kcederaan yang tidak dinyatakan di atas			

BAHAGIAN III

## KEPUTUSAN PEMERIKSAAN KESIHATAN

Saya mengesahkan bahawa pada hari ini saya telah memeriksa pemohon .....  
No. Kad Pengenalan ..... dan jawapan kepada soalan-soalan di atas adalah benar setakat yang saya ketahui dan percaya. Daripada pemerhatian dan pemeriksaan kesihatan ini, saya dapatkan pemohon dari segi fizikal dan mental adalah **SIHAT (MEDICALLY FIT) / TIDAK SIHAT (MEDICALLY UNFIT)** untuk menjalankan kerja-kerja dan tanggungjawab sebagai Orang Yang Kompeten Lif.

### **\*\*Potong yang tidak berkenaan**

Tandatangan pengamal perubatan : .....

Nama dan kelayakan pengamal perubatan : .....

Alamat : .....

No. Pendaftaran Klinik: .....

..... No. Pendaftaran MMC: .....  
Laporan ini sah sehingga :

Laporan ini sah sehingga : .....

Tarikh : .....

## **UNTUK KEGUNAAN JKKP**

**JADUAL PROGRAM BAGI PEMBAHARUAN ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB) LIF GRED 1**

BIL.	PROGRAM	JUMLAH	PENERANGAN	PENYEDIA PROGRAM
1.	Program Pendidikan Berterusan (CEP)	30 Mata	Mengikuti atau terlibat dengan apa-apa program dalam bidang KKP seperti di dalam Garis Panduan Sistem Mata Bagi Program Pendidikan Berterusan (CEP)	Seperti dinyatakan di dalam Panduan Bagi Permohonan Program Pendidikan Berterusan (CEP)
2.	Kursus Khas Teknikal	Satu (1) Kali Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengikuti mana-mana kursus teknikal berkaitan dengan bidang tugas sebagai Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif, Eskalator dan Laluan Gerak. Kursus tersebut hendaklah merangkumi salah satu topik dalam ruang lingkup seperti berikut:           <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Perundangan Dan Piawaian Lif, Eskalator dan Laluan Gerak</li> <li>b. Kegagalan dan Pembaikan Lif, Eskalator dan Laluan Gerak</li> <li>c. Operasi, Pemeriksaan dan Penyenggaraan Lif, Eskalator dan Laluan Gerak</li> <li>d. Teknologi terkini berkaitan Lif, Eskalator dan Laluan Gerak</li> </ul> </li> <li>ii. Masa Bersemuka (<i>Contact Hours</i>) Kursus sekurang-kurangnya lapan (8) jam/hari</li> <li>iii. Mempunyai Sijil Kehadiran Kursus</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Penyedia Latihan Berdaftar dengan Jabatan; atau</li> <li>ii) Badan Bukan Kerajaan (NGO); atau</li> <li>iii) Institut Pengajian Tinggi Awam; atau</li> <li>iv) Institusi Latihan Awam (ILA); atau</li> <li>v) Agensi / institusi lain yang dibenarkan Jabatan.</li> </ul>

Nota: Pemohon pembaharuan Orang Yang Berkelayakan (OYB) Lif Gred 1 hendaklah melengkapkan keperluan ini dalam tempoh sah perakuan pendaftaran (3 tahun).

## **GUIDELINES FOR REGISTRATION OF LIFT'S COMPETENET PERSONS**

BORANG PEMERIKSAN LIF GRED I

No Pendaftaran Orang Kompeten Lif:

## Total Keseluruhan Unit Pemeriksaan:

Tandatangan Pengarah Negeri